

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan yang baru dilantik harus mengamalkan sikap keserakanan dalam bekerja untuk memastikan organisasi dibawah kepemimpinan mereka dapat bergerak cemerlang dalam mencapai matlamat universiti.

"Saya berharap barisan Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan yang baru dilantik ini, dapat memimpin dengan cekap dan berkesan kerana saya percaya mereka yang dilantik ini dapat memikul tanggungjawab yang diamanahkan untuk membantu Dekan 14 Pusat Pengajian yang dilantik baru-baru ini.

"Majlis Penyampaian Surat Lantikan Kepada Penjawat Akademik ini juga merupakan kelangsungan daripada Majlis Penyerahan Wafat Perantikan kepada Dekan Pusat Pengajian yang diadakan pada 14 Jun yang lalu," tambah beliau ketika berucap di Dewan Sri Angsana, EDC-UUM, petang tadi.

Beliau juga berharap, perantikan mereka dapat mengukuhkan pentadbiran Pusat pengajian dan akan membantu menguatkan lagi struktur pengurusan kolej di universiti ini serta akan menjadi pemangkin kepada usaha menjayakan hasrat menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

Pada majlis yang sama turut berlangsung Majlis Sambutan 1 Tahun Pentadbiran Naib Canselor.

Menurut Timbalan Pendaftar, Zaini Nasri yang mewakili Pendaftar, Mohamad Akhir Yusuf mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor kerana dalam setahun pentadbiran, beliau telah membawa banyak perubahan dalam sistem akademik dan pentadbiran.

Beliau juga mengucapkan tahniah atas perantikan enam Timbalan Dekan dan 27 Ketua Jabatan yang baru dilantik dan berharap mereka dapat menjalankan amanah yang diberikan dengan baik dan penuh iltizam

Mereka yang dilantik mengikut kolej ialah, UUM College Of Business (UUM COB), Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni Dr Mohamad Farizal Rajemi, Timbalan Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Dr Faridahwati Mohd Shamsudin, Ketua Jabatan Perakaunan, Prof Madya Dr Zuaini Ishak, Ketua Jabatan Audit dan Sistem Maklumat, Dr Shamharir Abidin, Ketua Jabatan Muamalat dan Kewangan Islam, Dr Muhammad Nasri Md Hussain, Ketua Jabatan Kewangan, Dr Zahiruddin Ghazali, Ketua Jabatan Perbankan dan Pengurusan Risiko, Dr Norlida Abdul Manab, Ketua Jabatan Ekonomi dan Perniagaan Tani, Dr Siti Aznor Ahmad, Ketua Jabatan Pengurusan Teknologi dan Operasi, Dr Nor Hasni Osman, Ketua Jabatan Logistik dan Pengangkutan, Dr Azahari Ramli, Ketua Jabatan Pengurusan dan Keusahawanan, Dr Fais Ahmad, Ketua Jabatan Pemasaran, Dr Salniza Md Salleh dan Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Dr Faizuniah binti Pangil.

Sementara itu, untuk UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS) pula ialah, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, Dr Massudi Mahmuddin, Timbalan Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, Prof Dr Che Su Mustaffa, Ketua Jabatan Matematik dan Statistik, Dr Suzilah Ismail, Ketua Jabatan Sains Pemutusan, Prof Madya Dr Razamin Ramli, Ketua Jabatan Pengajian Bahasa, Dr Aizan Yaacob, Ketua Jabatan Pengajian Pendidikan, Dr Yahya Don, Ketua Jabatan Sains Komputer, Dr Osman Ghazali, Ketua Jabatan Sistem Maklumat, Dr Mohd Khairudin Kasiran, Ketua Jabatan Komunikasi, Dr Hassan Abu Bakar, Ketua Jabatan Teknologi Multimedia, Dr Norsiah Abdul Hamid, Ketua Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial, Prof Madya Dr Noor Azniza Ishak, Ketua Jabatan Pengajian Umum, Prof Madya Dr Rohani Ab Ghani dan Pengarah Pusat Bahasa, Dr Siti Jamilah Bidin.

UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS) pula ialah, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, Dr Alias Azhar, Timbalan Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government, Dr Mazlan Ismail, Ketua Jabatan Pentadbiran Awam dan Pembangunan, Prof Madya Dr Samihah Khalil @ Halim, Ketua Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa, Mohammad Zaki Ahmad, Ketua Jabatan Perniagaan Antarabangsa, Dr Sabariah Yaakub, Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Dr Noor Azimin Zainol dan Ketua Jabatan Pengajian Perundangan, Dr Harlida Abdul Wahab.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my